

CNS6792

U GB 25-08 00169 BA337

bah

Mahathir - DCA

PETISIYEN DAP MINTA LIONG SIK UNDIR TIDAK BERERTI APA-APA, KATA PM

LANGKAWI, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata petisyen DAP yang meminta kerajaan memecat Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik kerana didakwa bertanggungjawab dalam soal kebakaran sistem radar di Bukit Subang pada 13 Ogos lepas, tidak bererti apa-apa.

Katanya, sekiranya DAP mahu membantah sesuatu mereka boleh menjadikannya sebagai isu pilihan raya dan menyerahkannya kepada rakyat untuk menentukan siapakah yang akan menang.

"DAP selalu ada petisyen. Kapan terdesak sedikit sahaja ia akan suruh orang tandatangan (petisyen). Dia sudah ada badan dan orang tertentu yang selalunya akan menandatangani," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata adalah mustahil bagi Dr Ling untuk menguasai semua keadaan kerana beliau juga bergantung kepada maklumat balas daripada pegawai yang ditugaskan khusus untuk menjaga sesuatu. -- Lagi.

▼25/08/15-015MS

U GB 25-08 00152 BA338

bah

Mahathir - DCA 2 Langkawi

Mengenai pertukaran Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Datuk Zaludin Sulong dengan arahan Kabinet, Dr Mahathir berkata, pertukaran itu tidak membabitkan reformasi dalam DCA tetapi hanya pertukaran biasa.

Ketika diminta mengulas laporan akhbar yang memetik Zaludin sebagai berkata bahawa beliau adalah orang terbaik untuk menguruskan DCA sedangkan Kabinet memutuskan sebaliknya, Dr Mahathir berkata:

"Pendapat Kabinet dan pendapat dia berbeza. Dia anggap dia the best (terbaik), Kabinet mempunyai pendapat yang berbeza. Ini perkara biasa. Banyak orang kata dia cukup baik tetapi orang lain kata tak baik. Itu terpulanglah kepada pendapat masing-masing."

Mengenai pendapat sesetengah kalangan bahawa Ketua Pengarah DCA sepatutnya terdiri daripada seorang yang mempunyai pengetahuan teknikal dalam bidang penerbangan, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak penting.

Katanya, yang penting ialah orang yang mengetuai jabatan itu betul-betul menunjukkan minat untuk menguruskannya dengan baik. -- Lagi.

▼25/08/15-035MS

U GB 25-08 00154 BA339

bah

Mahathir - DCA 3 (akhir) Langkawi

"Kadang-kadang kita boleh ada profesional, kadang-kadang orang yang bukan profesional pun, dengan mempunyai sedikit pengetahuan berkenaan masalah-masalah penerbangan, boleh menjadi pengurus," katanya.

Katanya, kerajaan juga belum memutuskan siapakah yang akan menggantikan Zaludin dan sambil berseloroh menambah bahawa jika berlaku lagi kebakaran kerajaan akan menukar lagi ketua pengarah berkenaan sehingga menemui calon yang betul.

Menurutnya, pengajaran yang paling besar daripada insiden berkenaan ialah pegawai harus cekap dalam bidang penyenggaraan walaupun dalam kes itu penyenggaraan alat radar berkenaan masih dalam tangan pihak kontraktor kerana radar berkenaan masih belum diserahkan kepada DCA.

"Yang kita tidak berpuas hati ialah apabila perkara ini berlaku kita tak dapat maklumat. Pada mulanya dikatakan cuma kebakaran kecil, ada yang kata kebakaran semak sedangkan hari ini syarikat-syarikat penerbangan rugi begitu banyak. Kita tidak harus kata benda besar itu sebagai kecil," katanya. -- Bernama.

KHY NMO

▼25/08/15-065MS